



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

<u>BIL</u>	<u>JAWATAN</u>	<u>GRED</u>	<u>SKIM PERKHIDMATAN</u>
1.	AKAUNTAN (KEKOSONGAN – 1) TARAF JAWATAN : TETAP	WA44	AKAUNTAN

Maklumat terperinci mengenai jawatan di atas dan syarat-syarat kelayakan boleh diperolehi melalui laman web berikut :-
<http://www.penangport.gov.my>

CARA MEMOHON

- i Borang permohonan boleh didapati terus secara **ONLINE** melalui laman web SPPP atau memperolehinya di Pejabat SPPP, Unit Khidmat Pengurusan di alamat seperti tertera di bawah.
- ii Bagi Penjawat Awam, permohonan mestilah lengkap dengan **Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (3 tahun terakhir)** melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- iii Sila catatkan nama jawatan yang hendak dipohon pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat semasa memohon dan menghantar borang.
- iv Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.
- v Penggunaan borang permohonan yang dibuat salinan adalah dibenarkan.
- vi Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- vii Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- viii Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan resume dan salinan sijil-sijil yang berkaitan dengan serta lain-lain dokumen yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada :-

**PENGURUS BESAR
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
ARAS 2, SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL
No. 1A, PESARA KING EDWARD
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

TARIKH TUTUP :**4 JUN 2018**.....
PERMOHONAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. MAKLUMAT JAWATAN

- a) Jawatan : Akauntan Gred WA44
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan dan Profesional

2. JADUAL GAJI GRED WA44

- Minimum : RM 3,600.00
- Maksimum : RM 10,456.00
- Kenaikan Gaji Tahunan : RM 250.00

3. SYARAT KENAIKAN PANGKAT KE GRED WA44

Penjawat Awam yang berjawatan Akauntan Gred WA41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA44 yang kosong apabila telah:

- a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

4. TARAF JAWATAN

Tetap

5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. FUNGSI BIDANG TUGAS

- a) Menyediakan Bajet tahunan bagi memastikan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan fungsi utama SPPP.
- b) Mengesahkan pembayaran dan terimaan selaras dengan prosedur/tatacara/pekeliling yang berkuatkuasa.
- c) Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan selaras dengan *standard* perakaunan yang diterima pakai.
- d) Menyemak dan mengemukakan syor cadangan pengiraan cukai SPPP mengikut prosedur/tatacara/pekeliling yang berkuatkuasa.
- e) Mengkaji dan mengemukakan syor cadangan pelaburan SPPP bagi memastikan pelaburan yang dibuat menguntungkan SPPP.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

4 Jun 2018